



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### **JAWATANKUASA KABINET MELINDUNGI GOLONGAN RENTAN DEMI MEMPERKUKUHKAN PENGUATKUASAAN**

**PUTRAJAYA, 24 April** - Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Melindungi Golongan Rentan bertujuan untuk meneliti secara menyeluruh isu-isu berkaitan pusat jagaan di negara ini termasuk pusat jagaan kanak-kanak, anak yatim, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, pusat tahfiz dan sebagainya. Ia jua bertujuan merangka pendekatan yang holistik bagi memastikan kebajikan golongan tersebut dilindungi daripada dimanipulasi, pengabaian serta penganiayaan.

Menerusi Jawatankuasa ini yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai "sekretariat" kelak diharapkan dapat mengatasi isu-isu dalam melindungi golongan rentan serta dapat dilaksanakan secara bersepadu dengan penglibatan semua pihak yang terlibat, dan tidak dilihat sebagai tugas Kementerian (KPWKM) sahaja.

**Jawatankuasa Kabinet Melindungi Golongan Rentan yang dipengerusikan oleh YAB PM** melibatkan keanggotaan jawatan kuasa seperti berikut:

- i. KPWKM selaku Sekretariat;
- ii. Kementerian Pendidikan (KPM);
- iii. Kementerian Dalam Negeri (KDN);
- iv. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT);
- v. Kementerian Kesihatan;
- vi. Kementerian Komunikasi dan Multimedia;
- vii. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia;
- viii. Kementerian lain yang berkaitan.

Ini kerana setiap perkara adalah saling berkait dan bersangkutan antara tugas dan kuasa satu kementerian dengan kementerian yang lain. Sebagai contoh, isu pendaftaran Pusat Jagaan. Kelulusan Pusat Jagaan bukanlah autoriti KPWKM semata-mata, malah ia melibatkan pemeriksaan dan penilaian agensi-agensi teknikal yang lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan dan pihak BOMBA.

Prosedur dan syarat yang berlainan antara PBT-PBT dilihat satu kesukaran oleh Pusat Jagaan untuk dipenuhi. Maka disini dapat dilihat, bahawa **antara isu utama yang akan ditangani menerusi Jawatankuasa ini adalah penyelarasan pendaftaran pusat jagaan yang selalunya menjadi isu berbangkit.**

Kesukaran mendapatkan lesen operasi, akan menyebabkan banyak Pusat-pusat Jagaan yang tidak berdaftar wujud di negara ini, bagi memenuhi keperluan permintaan pelbagai pihak.

Dalam hubungan ini, **KPWKM komited untuk bekerjasama dengan KPKT dan PBT khususnya bagi memastikan tatacara pendaftaran ini dapat ditambahbaik agar kesejahteraan golongan rentan mendapat perlindungan sewajarnya dapat direalisasikan.**

Keperluan untuk memastikan semua pusat jagaan mendaftar perlu diimbangi dengan kewajiban dalam memastikan keselamatan penghuni atau klien di pusat-pusat jagaan yang terdiri daripada kanak-kanak, warga emas, OKU dan seumpamanya. Kita juga tidak mahu satu situasi banyak Pusat Jagaan yang dapat didaftarkan bagai cendawan tumbuh selepas hujan, namun, kualiti pengoperasian dan khidmat penjagaan yang mereka berikan kepada golongan rentan tidak mengikut SOP yang kita tetapkan. Contohnya, keperluan untuk menyediakan tempat tinggal yang kondusif, keselamatan penghuni dan bilangan penjaga yang mencukupi bagi mengelakkan masalah-masalah yang lain.

Menerusi **Jawatankuasa** ini kelak kita akan melihat pendekatan bagi melaksanakan **Ujian Saringan Kesihatan Mental ke atas Pengasuh dan Petugas-petugas Pusat Jagaan**. Langkah ini penting bagi memastikan setiap pengasuh mempunyai tahap kesihatan mental yang baik serta tidak cenderung untuk melakukan pengabaian, penderaan dan penganiyaan ke atas penghuni di bawah jagaan masing-masing.

**Insyallah, KPWKM akan membentangkan satu memorandum Jemaah Menteri bagi melaksanakan penubuhan jawatankuasa ini dengan segera.**

Terima kasih kepada Ahli Parlimen Segambut YB Hannah Yeoh yang cukup prihatin dengan penubuhan jawatankuasa ini. Jangan panik, masih awal lagi. Tunggulah perincian secara 'terperinci' yang akan diumumkan dalam masa terdekat. Saya mengajak YB juga bekerja bersama-sama Kementerian dalam menjayakan misi ini.

**#####**

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat  
24 April 2022**